

A Isi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai. Menulis: TP3

kekisi	bahan-bahan	layang-layang	awal-awal
tetamu	sabar-sabar	turun-temurun	bahu-membahu

- 1 Para peserta sampai di sekolah _____ pagi pada Hari Sukan untuk membuat persediaan.
- 2 Mak Cik Zaitun membeli _____ yang diperlukan untuk memasak laksa di kedai runcit.
- 3 Sekeluarga Encik Gunalan menyambut _____ yang datang ke rumah dengan tangan terbuka semasa sambutan Deepavali.
- 4 Sukarelawan _____ memberikan bantuan kepada mangsa banjir di pusat penempatan sementara.
- 5 _____ tingkap rumah itu telah berkarat kerana selalu terkena air hujan.
- 6 _____ yang terputus tali itu terbang ke langit dan tersangkut pada tiang lampu.
- 7 Han Boon dan adiknya tidak _____ hendak pulang ke kampung untuk menikmati buah durian di kebun datuk.
- 8 Ilmu persilatan merupakan warisan _____ daripada nenek moyang.

16

B Gariskan kata ganda yang betul. Membaca: TP3

- 1 Sayur yang dijual di pasar tani itu (huru-hara ❖ segar-bugar) dan murah harganya.
- 2 Rambutnya (kusut-masai ❖ gundah-gulana) akibat ditiup angin kencang semasa bersiar-siar di tepi pantai.
- 3 Ayah menggunakan sistem kedudukan sejagat (GPS) semasa memandu di Kuala Lumpur kerana jalan raya di sana (bersorak-sorai ❖ bersimpang-siur).
- 4 Hari Kemerdekaan disambut dengan (gilang-gemilang ❖ terang-benderang) di sekolah itu.
- 5 (Sayur-mayur ❖ Lauk-pauk) yang dihidangkan di atas meja itu amat menyelerakan.

10